



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

IMPORTANT NOTICE:

- CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM’S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.
- AL-AWFAR IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS, AND IS NOT A DEPOSIT PRODUCT.
- THESE TERMS AND CONDITIONS ARE TO BE READ TOGETHER WITH GENERIC TERMS AND CONDITIONS TRANSACTIONAL INVESTMENT ACCOUNT (AL-AWFAR).

NOTIS PENTING:

- PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.
- AL-AWFAR ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.
- TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN TERMA DAN SYARAT AM AKAUN PELABURAN TRANSAKSI (AL-AWFAR).



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(*Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(*Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

GENERIC TERM AND CONDITION (“THIS T&C”) AS FOLLOWS:

1.0 DEFINITION

For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

“**Bank**” or “**Bank Islam**” means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944(98127-X)), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

“**Eligible Customer**” means existing or new Bank Islam customer who makes deposit and placement in the selected account and satisfies the requirement of the campaign mechanics to participate in the **Al-Awfar MyFamily Campaign**.

“**Eligible Staff**” means existing or new Bank Islam staff who makes deposit and placement in the selected account and satisfies the requirement of the campaign mechanics to participate in the **Al-Awfar MyFamily Campaign** but limited to spouse and children only.

“**Staff**” means the employees of Bank Islam, (permanent or contract basis), who is Bank Islam Al-Awfar accountholder (new or existing) and still under employment of the Bank during the Draw Process.

“**Al-Awfar**” means an Unrestricted Investment Account Al-Awfar product offered by Bank Islam based on the Shariah principle of Mudarabah.

“**MyFamily**” means immediate family members (spouse, children or foster child) that can be proven by marriage certificate, marriage card, birth certificate, MyKid or adoption certificate.

“**Primary Account Holder**” means a person who encourages / introduces the family members to participate with him/her in the **Al-Awfar MyFamily Campaign**.

TERMA DAN SYARAT AM INI (“T&C INI”) ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1.0 DEFINISI

Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan terma di bawah adalah bermaksud makna yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

“**Bank**” atau “**Bank Islam**” bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944(98127-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

“**Pelanggan yang Layak**” bermakna pelanggan Bank Islam sedia ada atau baharu yang telah membuat deposit dan pelaburan dalam akaun yang dipilih dan memenuhi keperluan kaedah kempen untuk menyertai **Kempen Al-Awfar MyFamily**.

“**Kakitangan yang Layak**” bermakna kakitangan Bank Islam sedia ada atau baharu yang telah membuat deposit dan pelaburan dalam akaun yang dipilih dan memenuhi keperluan kaedah kempen untuk menyertai **Kempen Al-Awfar MyFamily** tetapi terhad kepada pasangan dan anak-anak sahaja.

“**Kakitangan**” bermaksud pekerja Bank Islam (tetap atau berdasarkan kontrak) yang merupakan pemegang akaun Bank Islam Al-Awfar (baru atau sedia ada) dan yang masih bekerja dengan Bank semasa Proses Cabutan.

“**Al-Awfar**” bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad Al-Awfar yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Shariah Mudarabah.

“**MyFamily**” bermaksud ahli keluarga terdekat (pasangan, anak atau anak angkat) yang boleh dibuktikan melalui sijil perkahwinan, kad perkahwinan, sijil kelahiran, MyKid atau sijil anak angkat.

“**Pemegang Akaun Utama**” bermaksud seseorang yang menggalakkan / mencadangkan ahli keluarga untuk menyertai bersamanya dalam **Kempen Al-Awfar MyFamily**.



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(*Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(*Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

“**Campaign Period**” means the duration of the Campaign which is from **1 November 2024** until **31 January 2025**.

“**Tempoh Kempen**” bermaksud tempoh kempen bermula dari **1 November 2024** hingga **31 Januari 2025**.

2.0 Eligibility

- 2.1 Eligible for all existing and new Bank Islam's customer.
- 2.2 Eligible for Bank Islam staff but limited to spouse and children only.

3.0 Campaign Mechanism

- 3.1 Eligible Customer and eligible staff must open Al-Awfar account at the same time or different time by participation of 2 (two) or 3 (three) and above family members including Primary Account Holder but the account must be tagged as one group.
- 3.2 Additional eligibility unit to be received by customer and staff, as follows:

Total Monthly Average Balance (MyFamily)	No. of Family Members (including Primary Account Holder)	Eligibility Unit (for each family members)
RM10,000 and above	2	5
	3 and above	10

- 3.3 Eligible customer and eligible staff must bring original and valid identification documents to prove the relationship between participants.
- 3.4 To link the account under the same family group, the family members must be present to the branch together with the Primary Account Holder.
- 3.5 Only Primary Account Holder is allowed to link the family members.
- 3.6 Primary Account Holder must fill up Al-Awfar MyFamily Campaign Application form at any nearest Bank Islam branch to link the account of family members under one group.

2.0 Kelayakan

- 2.1 Layak untuk semua pelanggan sedia ada atau baharu Bank Islam.
- 2.2 Layak untuk kakitangan Bank Islam tetapi terhad kepada pasangan dan anak-anak sahaja.

3.0 Kempen Mekanik

- 3.1 Pelanggan Yang Layak dan kakitangan yang layak mesti membuka akaun Al-Awfar pada masa yang sama atau masa yang berbeza dengan penyertaan 2 (dua) atau 3 (tiga) dan lebih ahli keluarga termasuk Pemegang Akaun Utama yang mengambil bahagian tetapi akaun tersebut mesti ditandakan sebagai satu kumpulan.
- 3.2 Unit kelayakan tambahan yang akan diterima oleh pelanggan dan kakitangan, seperti berikut:

Jumlah Baki Purata Bulanan (MyFamily)	Bilangan Ahli Keluarga (termasuk Pemegang Akaun Utama)	Unit Kelayakan (bagi setiap ahli keluarga)
RM10,000 dan lebih	2	5
	3 dan lebih	10

- 3.3 Pelanggan yang layak dan kakitangan yang layak hendaklah membawa dokumen pengenalan diri yang asal dan sah untuk membuktikan pertalian antara peserta.
- 3.4 Untuk pautkan akaun di bawah kumpulan keluarga yang sama, ahli keluarga mesti hadir ke cawangan bersama-sama dengan Pemegang Akaun Utama.
- 3.5 Hanya Pemegang Akaun Utama yang dibenarkan untuk pautkan ahli keluarga.
- 3.6 Pemegang Akaun Utama hendaklah mengisi borang Permohonan Kempen Al-Awfar MyFamily di mana-mana cawangan Bank Islam terdekat untuk pautkan akaun ahli keluarga di bawah satu kumpulan.



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(Al-Awfah is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(Al-Awfah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

- | | |
|---|---|
| <p>3.7 The bank will not disclose any information about Primary Account Holder to the campaign participant.</p> | <p>3.7 Pihak bank tidak akan mendedahkan apa—apa maklumat mengenai Pemegang Akaun Utama kepada peserta kempen.</p> |
| <p>3.8 The minimum number of family members linked to a family group is one (1).</p> | <p>3.8 Bilangan minimum ahli keluarga yang dikaitkan dengan kumpulan keluarga ialah satu (1).</p> |
| <p>3.9 There is no maximum limit to the number of family members linked to the family group.</p> | <p>3.9 Tiada had maksimum bilangan ahli keluarga yang dikaitkan dengan kumpulan keluarga.</p> |
| <p>3.10 A customer already linked to a family group cannot be tagged with another family group.</p> | <p>3.10 Pelanggan yang telah dipautkan kepada kumpulan keluarga tidak boleh ditandakan dengan kumpulan keluarga yang lain.</p> |
| <p>3.11 MyFamily group total monthly average balance must meet the minimum of RM 10,000 to enjoy the additional eligibility unit.</p> | <p>3.11 Baki purata bulanan kumpulan <i>MyFamily</i> mesti memenuhi minimum sebanyak RM 10,000 untuk unit kelayakan tambahan.</p> |
| <p>3.12 Calculation for monthly draw will be based on RM100 equal to 1 eligibility unit.</p> | <p>3.12 Pengiraan untuk cabutan bulanan berdasarkan RM100 bersamaan dengan 1 unit kelayakan.</p> |
| <p>3.13 Calculation for quarterly draw, half yearly draw and yearly draw will be based on RM1,000 equal to 1 eligibility unit.</p> | <p>3.13 Pengiraan untuk cabutan suku tahunan cabutan setengah tahunan dan cabutan tahunan berdasarkan kepada RM1,000 bersamaan 1 unit kelayakan.</p> |
| <p>3.14 The eligibility unit will return to normal after the campaign end.</p> | <p>3.14 Unit kelayakan akan kembali kepada normal selepas kempen tamat.</p> |
| <p>4.0 Calculation Mechanism</p> | <p>4.0 Pengiraan Mekanik</p> |
| <p>4.1 Subject to clause 3.2, the Eligible customer will obtain 5 or 10 additional Eligibility Unit on top of the existing Eligibility Unit. For clarity, the illustration of calculation for monthly, quarterly, half-yearly and yearly draw as follows: -</p> | <p>4.1 Tertakluk kepada klausa 3.2, pelanggan yang layak akan mendapat 5 atau 10 Unit Kelayakan tambahan ke atas Unit Kelayakan sedia ada. Untuk kejelasan, ilustrasi pengiraan bulanan, suku tahunan, setengah tahun dan tahunan adalah seperti berikut: -</p> |

TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(*Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(*Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

4.2 Sample illustration:

<p><i>Situation:</i> Ali, a husband who is entitle under 50 for 50 and State draw of Al-Awfar categories. Ali have RM11,000 and wants to join the campaign. He encourages his wife, Alia to participate in the campaign. Alia opened the Al-Awfar account and put RM3,000 in the account. Alia entitled under New Saver draw and Monthly draw. Ali linked Alia's account under one family group. Total monthly average balance is RM14,000.</p>	
Generic EU	<p>Ali: $\frac{RM11,000}{RM100} = 110 \times (5)$ = 550 EU</p>
	<p>Alia: $\frac{RM3,000}{RM100} = 30 \times (1)$ = 30 EU</p>
Campaign calculation of EU	<p>Ali: $\frac{RM11,000}{RM100} = 110 \times (5+5)$ = 1,100 EU</p>
	<p>Alia: $\frac{RM3,000}{RM100} = 30 \times (1+5)$ = 180 EU</p>

**Disclaimer: This illustration only for monthly draw only. For quarterly, half-yearly and yearly draw, the method of computation for the EU is similar except the denominator is RM1,000.*

4.2 Contoh ilustrasi:

<p><i>Situasi:</i> Ali, suami yang layak di bawah “50 for 50” dan cabutan negeri bagi kategori Al-Awfar. Ali mempunyai RM11,000 dan mahu menyertai kempen ini. Dia menggalakkan isterinya, Alia untuk mengambil bahagian dalam kempen ini. Alia membuka akaun Al-Awfar dan memasukkan RM3,000 ke dalam akaun. Alia layak di bawah cabutan “New Saver” dan cabutan bulanan. Ali pautkan akaun Alia di bawah satu kumpulan keluarga. Jumlah baki purata bulanan ialah RM14,000.</p>	
Unit Kelayakan Umum	<p>Ali: $\frac{RM11,000}{RM100} = 110 \times (5)$ = 550 EU</p>
	<p>Alia: $\frac{RM3,000}{RM100} = 30 \times (1)$ = 30 EU</p>
Pengiraan Unit Kelayakan kempen	<p>Ali: $\frac{RM11,000}{RM100} = 110 \times (5+5)$ = 1,100 EU</p>
	<p>Alia: $\frac{RM3,000}{RM100} = 30 \times (1+5)$ = 180 EU</p>

**Penafian: Ilustrasi ini hanya untuk cabutan bulanan sahaja. Bagi cabutan suku tahunan, setengah tahun dan tahunan, kaedah pengiraan untuk EU adalah sama kecuali penyebut adalah RM1,000.*

5.0 GENERAL CLAUSE IN THE T&C (CAMPAIGN)

- 5.1 Eligible customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of the Bank's Campaign.
- 5.2 To participate in the Campaign, Eligible customer must fulfil the Campaign Mechanics.

5.0 TERMA DAN SYARAT UMUM (KEMPEN)

- 5.1 Pelanggan yang layak adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Kempen Bank.
- 5.2 Untuk mengambil bahagian di dalam Kempen kami, pelanggan yang layak mestilah memenuhi Kaedah Kempen.



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

- | | |
|---|---|
| <p>5.3 The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.</p> | <p>5.3 Pihak Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.</p> |
| <p>5.4 The Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these Terms and Conditions (if any).</p> | <p>5.4 Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini (jika ada).</p> |
| <p>5.5 The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption / collection by the winners at the time stipulated by the Bank.</p> | <p>5.5 Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (“as it is”) dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.</p> |
| <p>5.6 If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Eligible Customer. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank’s branches and / or websites.</p> | <p>5.6 Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, pihak Bank berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.</p> |
| <p>5.7 Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.</p> | <p>5.7 Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.</p> |



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

- | | |
|--|--|
| <p>5.8 In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank for promotion or publicity purposes.</p> | <p>5.8 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media yang dipilih oleh pihak Bank. Oleh yang demikian, pihak Bank berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.</p> |
| <p>5.9 The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for the following:</p> <p>(a) Any misinterpretation on facts, and / or inflicted injuries and / or loss of lives and / or valuables resulting from the prize won through this Campaign; and</p> <p>(b) Any loss and damage or for any personal injury and / or whatsoever suffered or sustained by the customer / winners in connection with this Campaign or their participation in this Campaign or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel except for any liability which cannot be excluded by law.</p> <p>(c) Any matters beyond the Bank’s control with regard to this Campaign or anything related thereto.</p> | <p>5.9 Pihak Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas</p> <p>(a) Sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan</p> <p>(b) Sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh pelanggan / pemenang berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.</p> <p>(c) Segala urusan di luar bidang dan kawalan pihak Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.</p> |
| <p>5.10 Subject to compliance with Shariah rules and principles, the Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank’s branches and website. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the customer who participate in this Campaign to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.</p> | <p>5.10 Tertakluk kepada pematuhan peraturan dan prinsip Shariah, pihak Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank, tidak membolehkan pelanggan yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh para pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.</p> |



TERMS AND CONDITIONS OF “AL-AWFAR MYFAMILY CAMPAIGN”
(Al-Awfar is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN AL-AWFAR MYFAMILY”
(Al-Awfar tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 November 2024 till 31 January 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025

5.11 Winners are advised to access the Bank’s website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up to date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

5.12 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to Transactional Investment Account Generic Terms and Conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign.

For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre & Customer Care at 03 26 900 900 or visit our website at <https://www.bankislam.com>

5.11 Pemenang adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

5.12 Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat Am Akaun Pelaburan Transaksi. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>.